

Dr.M: Kedua calon terus berkhidmat

BH 25 JUN 1987

KUALA LUMPUR, Rabu — Kedua calon yang bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO akan terus berkhidmat dan tidak akan berhenti dari parti atau Kerajaan walau apa juaupun keputusan pemilihan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam satu interviu dengan "Merdeka" — akhbar bulanan UMNO — Datuk Seri Dr. Mahathir yang menang tanpa bertanding untuk jawatan Presiden parti menegaskan, beliau juga percaya "perlawanan itu" tidak akan menjejaskan parti ataupun pentad-

uran Kerajaan.

Katanya: "Sebagai orang yang berpegang kepada prinsip demokrasi saya akan menerima keputusan perwakilan."

Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir ini menamatkan spekulasi tentang kemungkinan calon yang kalah dalam pertandingan itu meletakkan jawatan baik dari parti atau kabinet.

Bertanding

Dua orang calon yang bertanding merebut jawatan itu ialah Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam dan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah. Kedua-duanya sekarang ialah Naib Presiden parti.

Dr. Mahathir Mo'hamad menegaskan, pandangan setengah pihak supaya diwujudkan dua jawatan Timbalan Presiden UMNO, berdasarkan parti mempunyai dua tokoh yang layak untuk jawatan tersebut, bukan satu penyelesaian.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sekiranya formula tersebut dilaksanakan, "kita terpaksa mengadakan tiga jawatan Timbalan, kalau satu ketika kelak ada tiga orang yang sama-sama layak untuk jawatan itu."

"Bagi saya ini bukanlah satu penyelesaian. Ini sebenarnya perbuatan mengelakkan masalah."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata; dengan berbuat demikian, kita cuma memindahkan masalah dari satu tingkat kepada tingkat yang lebih tinggi.

Beliau mengingatkan, "kalau kita mengelakkan perlawanan di peringkat Timbalan, maknanya kita akan menghadapi pertandingan, di peringkat tertinggi bila kekosongan berlaku;

"Kita hendaklah berusaha mengelakkan berlakunya pertandingan di peringkat paling tinggi kerana kalau berlaku, maka satu keadaan yang tidak sihat akan wujud," ujarnya.

Adat Umno

Menurut beliau, kalau perlawanan berlaku di peringkat Timbalan, perpecahan boleh dielakkan kerana Ketua parti ada di tempatnya dan dia menjadi faktor penyatuan.

"Tetapi kalau pertandingan di peringkat tertinggi berlaku, parti akan berpecah dua dan inilah yang hendak kita elak," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dalam soal pemilihan Timbalan Presiden itu, ahli-ahli UMNO patut berpegang kepada "adat" UMNO iaitu apabila seseorang itu sudah diputuskan memegang jawatan tersebut, tidak harus ada orang yang akan mencabarnya, kecuali dalam keadaan-keadaan yang luar biasa — misalnya kalau dia membuat kesalahan yang berat dan sebagainya.

Katanya lagi, sebenarnya rahsia per-

paduan dalam UMNO selama ini kerana ahli-ahlinya berpegang kepada adat tersebut iaitu penyelesaian kepimpinan di peringkat kedua, bukan di peringkat pertama.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, pertandingan merebut jawatan tinggi dalam parti bukan satu perkara baru bagi ahli-ahli UMNO.

Katanya, Al-Jahyarham Tun Dr. Ismail pernah melawan Al-Jahyarham Tun Razak untuk jawatan Presiden.

"Memang benar pertandingan Tun Razak — Tun Ismail dulu tidak sehebat pertandingan sekarang, yang nampaknya mempunyai banyak implikasi, lebih hangat dan ada pula amalan-amalan yang tidak betul dilakukan. Kadang-kadang nampak seperti kita berlawan dengan calon dari parti lain," tambahpnya.

Prinsip

"Kita faham ini berlaku ketika keadaan panas. Saya percaya bila habis perlawanan kedua pihak akan utamakan UMNO dan perpaduan dalam parti," katanya.

Katanya, pihak yang kalah mestilah menerima pemimpin yang dipilih ramai seperti juga mereka mesti menerima keputusan majoriti."

Tegasnya, kalau ahli-ahli UMNO tidak berpegang kepada prinsip tersebut, mereka tidak berhak menerima konsep demokrasi.

Penerimaan konsep tersebut, tambah beliau, barulah kita boleh

dikatakan matang dalam politik demokrasi.

Beliau sendiri yakin perasaan persaingan yang ada sekarang akan lenyap, lebih-lebih lagi kalau semua pemimpin UMNO bersatu.